

Ambil peluang erat hubungan pelajar, masyarakat

SF 18/04/08 Pg. 78

TELAGA BATIN - Pelajar seharusnya diberi pendedahan terlibat dalam aktiviti kesiaran supaya mereka lebih prihatin akan suasana semasa.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Telaga Batin, Che Husin Che Muda, berkata, penduduk yang tinggal berdekatan kawasan kediaman pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), perlu mengambil peluang tersebut mengeratkan hubungan sesama mereka.

"Kebetulan kampung saya berada tidak jauh dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



CHE HUSIN CHE MUDA

dan ia merupakan peluang terbaik buat saya dan penduduk kampung untuk mengadakan

"Pelbagai pihak seharusnya memberikan sokongan dan kerjasama kepada pelajar untuk turut serta dalam aktiviti sebegini sebab ia merupakan salah satu cara untuk mereka melepaskan tekanan dalam pelajaran."

Che Husin Che Muda

sebarang aktiviti melibatkan pelajar IPT itu," katanya.

Menurutnya, masyarakat dan pelajar seharusnya menggunakan peluang itu untuk saling mengenali dan seterusnya menjalin hubungan erat supaya kedua-dua belah pihak saling membantu dalam setiap aktiviti yang dianjurkan.

Tambahnya, pelbagai pihak seharusnya memberikan sokongan dan kerjasama kepada pelajar untuk turut serta dalam aktiviti sebegini sebab ia merupakan salah satu cara bagi mereka melepaskan tekanan dalam pelajaran.

"Sokongan dan kerjasama yang diberikan masyarakat akan menambahkan keyakinan kepada pelajar untuk menjadikan penduduk di kawasan tersebut sebagai ibu dan bapa angkat memandangkan rata-rata daripada mereka merupakan pelajar yang bukan dari negeri ini," katanya.